

13 JUN 2000

Mahathir-Pulang

DR MAHATHIR BERLEPAS PULANG SELEPAS LAWATAN SEMINGGU KE JEPUN

Oleh: Ghazemy Mahmud

TOKYO, 13 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas pulang hari ini selepas lawatan kerja seminggu di Jepun.

Dr Mahathir yang diiringi isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali dan enam delegasi lain berlepas pulang dengan pesawat khas kerajaan Malaysia dari Lapangan terbang Antarabangsa Narita di sini.

Duta Malaysia di Jepun Datuk Marzuki Mohammad Noor dan pegawai kanan Malaysia lain berada di lapangan terbang itu untuk mengucapkan selamat pulang.

Semasa di sini, Dr Mahathir menghadiri pengebumian bekas perdana menteri Jepun mendiang Keizo Obuchi di Nippon Budokan di Tokyo Khamis lepas.

Obuchi meninggal dunia pada 14 Mei, enam minggu selepas diserang angin ahmar dan koma.

Dr Mahathir juga mengunjungi Yoshiro Mori yang dilantik menggantikan Obuchi sebagai perdana menteri.

Beliau menghadiri Persidangan Antarabangsa ke-6 Nikkei di sini yang diadakan bagi merangka strategi untuk meningkatkan kadar pemulihan Asia selepas krisis kewangan pada tahun 1997.

Dr Mahathir menyampaikan ucap tama pada persidangan mengenai masa depan Asia anjuran kumpulan media Nihon Keizei Shimbun.

Perdana Menteri juga singgah di Nagoya untuk melawat sebahagian daripada kilang-kilang moden milik syarikat multi nasional Jepun.

Dr Mahathir dijangka tiba di Kuala Lumpur pada pukul 4 petang ini.

-- BERNAMA

MGM LAT